

Mahathir jelas rancangan wajibkan pelajar jalani kursus dalam negeri

PHILADELPHIA' 10 Okt. —Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan rancangan kerajaan mewajibkan para pelajar kerajaan yang hendak ke luar negeri menjalani kursus tahun pertama dan kedua di dalam negeri adalah bertujuan untuk mengurangkan pengaliran keluar wang negara bagi tidak memburukkan lagi kurangan tak ketara perdagangan kita.

Menurut beliau ini tidak bermakna pengirisan para pelajar akan dikurangkan. Apa yang berlaku ialah para pelajar hanya belajar di tahun ketiga dan keempat di institut tertentu luar negeri sama ada di Amerika, Australia, Jepun dan lain-lain.

Kata beliau kerajaan sedang berhubung dengan beberapa buah universiti luar bagi membolehkan skim baru itu dilaksanakan. Di bawah rancangan itu institut pengajian luar yang terlibat akan membenarkan kursus tahun pertama dan kedua dikendalikan di Malaysia dan bakinya di seberang laut.

Berucap kepada para pelajar di sini pagi semalam, Perdana Menteri memberitahu rancangan kerajaan ini juga terbuka kepada para pelajar swasta.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir rancangan ini dijangka membolehkan kerajaan menjimatkan wang dan kemudian boleh digunakan untuk membina lagi universiti dalam negeri.

Selain dari itu jelas beliau, para pelajar yang dikirim juga dikira sudah matang untuk mengelakkan mereka terperangkap dalam kejutan budaya Barat seperti yang pernah dan sedang terjadi. Dalam ucapan itu, Perdana Menteri juga mencrangkan latar belakang pertelagahan UMNO-PAS berkaitan soal Islam.

Menurut Dr. Mahathir, UMNO hanya menerima cabaran untuk berdebat dengan PAS setelah para pemimpin

parti itu menolak rancangan UMNO bagi diadakan pertemuan untuk berbincang.

Tambahnya, perkara yang hendak dibicarakan juga cuma terbatas kepada tuduhan PAS bahawa UMNO bukan Islam dan siapa yang tidak menyertai PAS juga kafir.

Perdana Menteri berkata, salah seorang naib presiden UMNO telah beberapa kali mengajak Haji Hadi Awang supaya berbincang mengenai dakwaan PAS itu tetapi telah ditolak. "Jadi sekarang kami mahu PAS mengemukakan tuduhannya bahawa UMNO itu kafir di depan televisyen supaya seluruh negara tahu,"ujarnya.

Menurut beliau UMNO akan mempertahankan diri dengan bertanya apakah Nabi Muhammad juga kafir kerana tidak menyertai PAS.

Bagaimana pula berjuta-juta umat Islam yang lain yang tidak menyertai PAS. Apakah mereka juga kafir? Tanya Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menjawab satu pertanyaan kemudiannya tentang syor yang beliau kemukakan supaya isteri-isteri yang bersuamikan mereka yang bergaji besar berhenti kerja dan mengasuh anak di rumah Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ia bertujuan untuk memelihara institusi keluarga dari runtuh ekoran tiadanya kemesraan antara ibu bapa dengan anak-anak.

Beliau menjelaskan syor itu hanya ditujukan kepada mereka yang mampu sahaja dan bukan bertujuan untuk meletakkan wanita di ceruk dapur.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dengan cara itu diharapkan institusi keluarga akan dapat dipertahankan dari musnah seperti yang berlaku di Barat.

Kira-kira 50 orang pelajar dari sekitar Philadelphia menghadiri majlis anjuran Persatuan Pelajar Malaysia di situ dan Datuk Sri Dr. Mahathir dan rombongan telah dijamu dengan nasi lemak dan lain-lain hidangan Melayu.